Kepada Anggota-anggota Ikhwan

Anggota saudara-saudara Ikhwan,

Dalam dua keluaran yang lalu kita telah membawa perhatian kepada kewajipannya kepada Allah dengan memberikan beberapa ayat bahawa Tuhan tidak mengampunkan bagi seseorang yang menyekutukan-Nya. Di dalam ayat-ayat yang telah dibentangkan dalam dua keluaran itu adalah bersambung dengan ayat yang maksudnya:

"Dan (Ia wajibkan kamu) berbuat baik kepada ibu bapa kamu. "Kalau salah seorang dari mereka atau kedua-duanya telah tua, janganlah kamu berkata (dengan perkataan yang menunjukkan kebencian seperti) "ah" dan janganlah kau hadapkan kepada mereka perkataan-perkataan yang kasar tetapi hendaklah kamu berkata kepada mereka dengan perkataan-perkataan yang mulia.

"Dan hendaklah engkau merendahkan diri kepada mereka kerana kasih sayang dan berdoalah (kepada Allah) "Hai Tuhanku kasihanilah ibu bapaku sebagaimana keduanya telah memelihara akan daku pada waktu kecil.

"Tuhan! Kamu lebih mengetahui akan apa yang tersembunyi dalam diri kamu jika kamu berbuat baik maka Allah amat memberi ampun kepada orang-orang yang hendak bertaubat." Demikian maksud al-Quran surah ayat 23-25.

Al-Ustādh Muhammad Ali tatkala mentafsirkan ayat ini menyatakan bahawa ini adalah kewajipan yang kedua bagi seorang makhluk. Pertama kewajipannya kepada Tuhan dan yang kedua kewajipannya kepada sesama manusia. Kewajipan yang kedua ini dihadapkan kepada beberapa golongan manusia. Pertama kepada ibu bapa, kedua kepada kaum keluarga, ketiga kepada orang miskin, keempat kepada penuntut-penuntut ilmu yang keputusan perbelanjaan.

Sebelum kita menerangkan cara-cara kewajipan saudara-saudara kepada ibu bapa maka lebih molek sekiranya lebih dahulu kita mengetahui mengapa dan apa sebabnya kita diwajibkan berbakti kepada kedua-dua ibu bapa kita. Bagi orang yang sihat akal fikiran tentulah tetap akan mengetahui betapa besarnya kandungan maksud perintah Tuhan tadi.

Hal yang demikian ini sangat perlu kita perhatikannya kerana saudara-saudara anggota Ikhwan sendiri umumnya telah mengetahui pada masa sekarang telah timbul pengertian-pengertian di luar Islam, yang telah memasuki kepada kanak-kanak Islam, kanak-kanak itu tidak lagi mahu mendengar tutur kata ibu bapanya, tidak menghormati lagi ibu bapanya, bahkan pengajaran-pengajaran Atheist atau Komunis telah pula menjadikan kanak-kanak itu di dalam didikan am sebagai orang-orang yang digunakan untuk menjaga dan memerhati gerak geri ibu bapanya, sanak saudaranya sendiri yang banyak pula daripadanya menimbulkan perbuatan-perbuatan aniaya terhadap mereka itu. Kita melihat pula di dalam sekolah-sekolah cara-cara itu bermaharajalela sehingga anak-anak tidak lagi menghormat dan patuh kepada ibu bapa mereka.

Kepada tiap-tiap manusia ibu bapa itulah menyebabkan kita ada di dunia ini: Kalau tidaklah kerana keduanya kita tidak dapat melihat keindahan alam dan kita tidak akan mendengar sebutan nama kita kecuali yang dikehendaki oleh Allah. Fikirkanlah sejenak bagaimana pihak ibu bapa kita pada masa hamil. Pada masa mengandung kita yang di kandungan menjadi pikulan yang seberat-seberat dan sehebat-hebatnya sehingga dari mula masa kandungan sehingga masa

hampir-hampir lahir sentiasa merasa cemas, takut dan seolah-olahnya malaikat maut sentiasa menunggunya untuk mengambil nyawanya. Kalau tidaklah kerana belas kasihan, dan kasih sayangnya terhadap anak yang di kandungnya, kasih sayang yang diberi Tuhan di dalam hatinya sudah tentulah akan merosakkan kandungannya ataupun apabila lahir anaknya akan dibinasakan sepertimana yang berlaku kepada kanak-kanak yang hamil kerana perbuatan-perbuatan yang haram.

Perhati dan kenangkanlah bagaimana hebatnya pada saat anak itu, akan dilahirkan. Serasa nyawa akan tercabut sejam, dua jam, bahkan berhari-hari menderita terkadang-kadang terjerit dan terpekik kerana kesakitan. Bukanlah ini satu kesakitan yang sepedih-pedihnya yang ditanggung oleh mereka? Tidakkah ini kesakitan yang tidak ada tolok bandingnya, tidakkah ini meletakkan mereka di antara hayat dan maut, di antara hidup dan mati bahkan pada masa itu ia merasa lebih dekat kepada mati.

Kalau tidaklah kerana cinta yang ditanam Tuhan di dalam hatinya kepada anak yang hendak dilahirkan itu, mahulah rasanya hendak menewaskan jiwanya daripada penanggungan yang sedemikian hebat. Tidak ada penanggungan yang lebih pedih dan sakit daripada penanggungan melahirkan anak dan seakan-akan malaikat mahut sudah menentukan ajalnya. Begitu pedih penderitaan, begitu sakit perasaan namun apabila terpandang rupa anak maka lupa kepada penderitaan, lupa kepada kesakitannya. Maka timbullah kasih mesra membela dan menanggungjawab kepada anak yang dilahirkannya itu.

Sesungguhnya celaka dan celakalah anak yang lupa kepada jasa ibunya, penanggungan ibunya. Dan anak yang derhaka itu akan dikutuk Tuhan hidupnya di dunia dan akan disiksa dengan seksaan pedih di akhirat nanti. Patut benar kalau junjungan kita Muhammad (SAW) bersabda maksud-Nya: "Dua (kejahatan) akan dibalas oleh Allah (tepat) di dunia: (iaitu) Zina dan derhaka kepada ibu bapa." – (Hadis riwayat al-Ṭabrānī).

Bagi mereka yang telah mempunyai anak tentulah mengetahui dan merasa bagaimana bertanya ibu menyusukan dan mengasuh anaknya itu. Terasa benar pahitnya hidup sehingga makan tak kenyang tidur tak lalu, kerana tak tergamak melihat anaknya digigit nyamuk, membiarkan anaknya menangis, dan segala-galanya. Ia menyekang mata dan menjaga anaknya lebih dari menjaga dirinya sendiri dengan sebaik-baik penjagaan dan peliharaan menurut kebiasaan masing-masing. Tak tertelan olehnya air, tak termakan olehnya makanan kalau sekiranya anaknya di dalam sakit dan tidak merasa apa yang dirasa olehnya. Kesukaannya ketika itu bergantung kepada kesukaan anaknya – dan demikian juga kedukacitaannya. Gembira anak itu, gembiralah ia dan dukacita anak itu dukacitalah ia dan pada bila-bila masa ia bersedia menjualkan diri, mengorbankan dirinya untuk kesenangan dan kesejahteraan anaknya.

Sedikit anaknya menangis waktu malam ia terbangun dan dengan huyung hayang menghadapi anaknya dan memerhati apakah sebab yang menjadi ketakutan dan perbuatan yang menyebabkan anak itu menangis.

Pada masa siang hari ibu mengurus segala keperluan anaknya yang semuanya diselenggarakan lebih dahulu daripada keperluan sendiri. Ia tidak merasa jijik membersihkan dan memegang najis anaknya dan tidak merasa jemu atau segan menurut kehendaknya. Apa jua yang dibuatnya adalah semata-mata diharap menyukakan anak-anaknya.

Ini dilakukan bukan sehari dua hari, bukan seminggu dua minggu tetapi

berbulan-bulan sejak dari anak itu dilahirkan sehingga besar – bertahun-tahun bahkan berpuluh tahun. Penjagaan yang begitu lama dengan bersusah payah dan membanting tulang diterima dengan sukacita dan senang gembira sehingga redha menahan kelazatan makan, kenikmatan minum dan kesedapan tidur. Tidak mengeluh dan tidak jemu – semuanya dikerjakan dengan perasaan kasih sayang.

Sesudah kita memerhatikan jasa ibu kepada anak-anaknya sedemikian rupa dengan tidak ditolok bandingnya itu kemudian mustahaklah kita perhati dan fikirkan lagi akan jasa bapa kepada anak-anaknya itu.

Bapa walaupun tidak begitu nampak jasanya kepada anak dan tidak begitu rapat hubungan kepadanya, saudara-saudara anggota Ikhwan, tetapi kalau dilihat dari jurusan ibu yang disebabkan boleh hidup dan dapat mengurus anak dengan sempurna maka sudah sepatutnyalah bapa itupun dapat penghargaan besar dari anak-anak itu. Celik pagi pergi mencari rezeki dengan bekerja mengambil upah, bertukang atau berusaha dan pada waktu petang adakalanya sudah larut malam baharulah balik ke rumah dari tempat kerjanya.

Ia mengerjakan itu semua ialah untuk mencari belanja makan minum serta pakaian anak dan isterinya. Kalau sekadar untuknya sendiri tidaklah begitu mustahak baginya. Kerana apalah hidup bagi seorang diri itu. Dalam kepayahan mencari nafkah ia tidak mengeluh dan tidak berkeluh kesah. Hujan dan panas tidak dipedulikannya, segala rintangan dilaluinya asalkan mendapat wang untuk keperluan anak isterinya seisi rumah supaya mereka tetap bergembira dan bersuka ria.

Ada kalanya kerana membela sesuap nasi untuk anak dan isterinya ia sanggup mengorbankan nyawanya. Lihat mereka yang bekerja di lubang-lubang lombong, menggali lubang, atau yang masuk dan menyelam dalam lautan, menjadi tentera yang berperang, masuk ke dalam hutan belukar mencari rezeki untuk anaknya. Inilah pengorbanan, pengorbanan seorang ayah. Senang benar hatinya jika ia balik ke rumah dapat membawa sedikit barang-barang permainan, makanan atau apa jua untuk menghibur hati anak-anaknya di rumah. Adalah menjadi kegembiraan kepadanya, kepada seorang ayah apabila ia balik dan sampai di rumah disongsong oleh anaknya di ambang pintu berebut-rebut untuk mengambil barang-barang yang dibawa oleh ayahnya atau menyonsong ayah itu di ambang pintu dengan muka yang manis. Kesukaannya bergantung kepada kesukaan anak-anaknya dan demikian juga kedukacitaannya pun bergantung kepada kedukacitaan anak-anaknya. Ia berasa belum sempurna menjadi seorang lelaki kalau belum dapat memenuhi kewajipannya kepada anaknya, isi rumahnya seperti memiliki pakaian, makanan dan permainan serta dapat mendidiknya.

Ikhwan di Sarawak

Saudara Syibli bin Bonsu (Ikhwan: 239) Kampung Surabaya Hilir, Kuching Sarawak, bukan "Sili bin Yunus" seperti yang telah tersiar dahulu.

Saudara Syibli telah berjaya menjalankan *list* derma dari Melaka kerana membaharui sekolah agama "Anṣār al-Sunnah" Jasin Melaka. Wang sebanyak $30.70 telah dapat dipungut dan telah dihantarkan kepada pihak pengurus madsarah tersebut pada 15 September 1956 yang lalu.

Saudara-saudara anggota Ikhwan!! Hendaklah kita ingat pula bahawa ibu bapa kita memelihara kita pada masa kecil hingga besar menanggung kesengsaraan hidup bukanlah kerana dipaksa dan bukanlah ada perasaan jemu, tetapi dilakukan dengan girang dan sukacita serta kasih sayang. Oleh sebab saudara-saudara anggota Ikhwan bagaimana juga besar dan banyaknya kesenangan dan pemberian yang kita berikan kepadanya nescaya belumlah akan terbalas jasa mereka. Dan oleh sebab itulah maka Allah perintahkan kepada kita supaya berbakti kepada kedua-dua mereka itu. Saudara-saudara sendiri nanti akan dapat merasa tanggungjawab yang demikian itu apabila telah menjadi ayah. Ini tidak seorang pun dapat mendustakannya. Maka oleh itu kepada saudara-saudara anggota Ikhwan yang masih muda bagaimanapun hendaklah mengasihi ayah dan bonda dan hendaklah taat kepadanya sehingga pada beberapa hadis Nabi ada disebut sekalipun saudara-saudara hendak beristeri maka keizinan dari ibu terutamanya, hendaklah ditanyakan sebab oleh kerana pelanggaran yang demikian itu apabila ibu kelak tidak berkenan dan telah sampai hati menyumpah anaknya percayalah bahawa saudara hidup di dunia tidak akan senang selamanya jika sumpah ibu dikabulkan oleh Tuhan dan saudara tetap akan melarat.

Segala yang berlaku nampak jelas dan terang ada terjadi di dalam lingkungan masyrakat kita dan kerana itulah anggota Ikhwan diminta sangat supaya menghormati kedua-dua ibu bapa dengan menghormati yang sewajarnya dan kami menghendaki, seboleh-bolehnya tiap-tiap anggota Ikwan hendaklah berbakti kepada mereka itu. Bagaimanakah cara yang dipertunjukkan Tuhan supaya menjadi anak yang berbakti kepada kedua-dua ibu bapanya? Allah *subḥanahu wa taʿālā* menerangkan serba cara yang wajib dikerjakan oleh tiap-tiap manusia supaya mendapat keredhaan Allah dan kesenangan hati kedua-duanya.

Pertama: Tidak boleh kita mengeluarkan perkataan yang menunjukkan kebencian kepada keduanya seperti perkataan "ah" dan sebagainya.

Kedua: Janganlah kita hadapkan kepada keduanya perkataan-perkataan yang kasar yang kesudahannya menyakitkan hati kedua-dua mereka itu.

Ketiga: Hendaklah kita berkata kepada keduanya dengan perkataan yang mulia, sopan dan hormat.

Keempat:Hendaklah kita merendahkan diri kepada keduanya kerana kasih sayang dan bukanlah kerana terpaksa dan tidak boleh pula kerana berpura-pura.

Kelima: Hendaklah kita doakan keduanya: Mudah-mudahan Allah mengasihi akan keduanya.

Borang Anggota Ikhwan

Al-Ustādh Ahmad bin Haji Ismail, guru agama, Paya Ara, Kerdau, Pahang: Mengesyorkan supaya majalah Qalam mengadakan "borang Ikhwan" yang berasing, kerana beliau sayang hendak menggunting borang yang sedia tersiar dalam tiap-tiap bilangan Qalam.

[Kami juga berasa sayang. Sebenarnya borang Ikhwan yang tersiar itu hanya sebagai contoh. Kami tidak keberatan menerima – seberapa banyak pun – surat-surat permintaan menjadi "anggota Ikhwan" dengan surat-surat dari kertas biasa. Hantarlah dari sekarang dan kami sedia menerimanya dengan segala hormatnya – Pengelola Ikhwan.]